

## Strategi Ketidaksantunan Bahasa dalam Animasi Bersiri Kanak-Kanak Upin & Ipin Musim Ke-14

### The Impoliteness Strategy in Animated Series Upin & Ipin Season 14

Aminnudin Saimon\*, Haura' Faris, Nur Aqilah Husna Safuan, Nurain Syamila Mohd Zamri  
& Nurul Shazwani Zulkefli  
Kulliyah Bahasa dan Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Hab Pendidikan Pagoh  
Johor, Malaysia

Submitted: 20/12/2023. Revised edition: 8/5/2024. Accepted: 13/5/2024. Published online: 26/6/2024

#### ABSTRAK

Kemunculan heterogen animasi bersiri semakin mendapat tempat dalam kalangan kanak-kanak. Namun begitu, terdapat sesetengah animasi bersiri yang menyasarkan golongan setahun jagung ini dikesan mempunyai ujaran dan perilaku ketidaksantunan. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mengkategorikan penggunaan strategi ketidaksantunan bahasa dalam animasi bersiri kanak-kanak, "Upin & Ipin" musim ke-14 dengan mengaplikasikan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996) dan seterusnya menganalisis penggunaan strategi ketidaksantunan tersebut. Kaedah yang digunakan dalam makalah ini ialah kaedah pemerhatian dan transkripsi dialog yang diujarkan oleh watak-watak dalam 15 buah episod animasi bersiri kanak-kanak "Upin & Ipin" musim ke-14. Data yang diperoleh diaplikasikan dalam bentuk jadual dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks, iaitu penggiliran dialog oleh watak yang terdapat dalam animasi tersebut. Dapatan kajian dikategorikan kepada lima strategi ketidaksantunan, iaitu ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif, penggunaan sindiran dan menahan kesantunan. Dapatan kajian mendapati bahawa strategi ketidaksantunan negatif mencatatkan kekerapan paling tinggi, iaitu sebanyak 19 ujaran daripada 46 ujaran keseluruhan. Kekerapan strategi menahan kesantunan pula mencatatkan kekerapan terendah, iaitu sebanyak 2 ujaran. Kesimpulannya, animasi bersiri kanak-kanak juga tidak terlepas daripada penggunaan strategi ketidaksantunan bahasa ini. Penggunaan ujaran yang menzahirkan ketidaksantunan haruslah ditegah supaya tidak menjadi barah kepada generasi akan datang.

*Kata kunci:* Ketidaksantunan, kanak-kanak, animasi, Culpeper (1996), ujaran

#### ABSTRACT

The diverse appearance of animated serials is gaining traction among children. However, several serial animations target this set of children who have been indicated to have impolite speech and behaviour. As a result, the purpose of this study is to categorise and analyse the usage of language impoliteness strategies in the children's animated series "Upin & Ipin" season 14 using the Impoliteness Theory by Culpeper (1996). This study employs observing and transcribing dialogues uttered by characters in 15 episodes of the children's animated series "Upin & Ipin" season 14. The data collected is applied in the form of a table and analysed using the text content analysis method, which is the rotation of the dialogue by the animated characters. The findings of the study are classified into five impoliteness strategies: bald on-record impoliteness, positive impoliteness, negative impoliteness, sarcasm or mock politeness, and withhold politeness. According to the study's findings, the negative impoliteness strategies had the highest

---

\*Correspondence to: Aminnudin Saimon (email: [deanamin@iiu.edu.my](mailto:deanamin@iiu.edu.my))

frequency, with 19 utterances out of a total of 46 utterances. The frequency of the withhold politeness strategies was the lowest, at 2 utterances. In conclusion, children's animated series are not exempted from using this language impoliteness strategy. The use of impolite phrases should be avoided so that it does not become a disease for future generations.

*Keywords:* Impoliteness, children, animations, Culpeper (1996), utterances

## **PENGENALAN**

Sambutan masyarakat terhadap animasi tempatan yang ibarat cendawan tumbuh selepas hujan mutakhir ini kelihatan amat memberangsangkan. Kemunculan pelbagai animasi tempatan yang telah menembusi pasaran global seperti Upin Ipin, Boboiboy dan Ejen Ali, terbukti mempunyai potensi dan pengaruh yang besar terutamanya terhadap penonton sasaran, iaitu kanak-kanak. Kemunculan heterogen animasi bersiri yang semakin mendapat sambutan sudah tentu berupaya untuk mengembangkan potensi berbahasa dan pembentukan tatasusila generasi berdarah muda ini.

Walau bagaimanapun, polemik ketidaksantunan bahasa yang kian melarat mutakhir ini semakin merunsingkan. Menurut Mariliana Ariesta Vani dan Atiqa Sabardila (2020), perilaku ketidaksantunan merujuk kepada fenomena komunikasi yang bertentangan dengan aspek kesantunan berbahasa lantas menimbulkan ketidakselesaan kepada penutur. Perilaku ketidaksantunan juga dapat dilihat sebagai tindakan atau tingkah laku seseorang yang cenderung menggunakan bahasa yang kasar, kesat dan tidak santun terhadap orang lain. Tambahan pula, menurut Nur Aisyah Mohamad Taufek dan Aminnudin Saimon (2022), aspek ketidaksantunan yang terdapat dalam filem Melayu telah mencemari nilai-nilai ketimuran dalam budaya orang Melayu. Lantaran itu, penggunaan bahasa oleh watak-watak animasi merupakan perkara yang perlu diteliti dan diambil berat agar tidak membawa pengaruh negatif terhadap pembentukan bahasa anak bangsa.

Dalam makalah ini, pengkaji telah menemui beberapa aspek ketidaksantunan bahasa dalam animasi "Upin & Ipin" musim ke-14 ini. Hal ini merupakan perkara yang perlu diambil cakna agar tidak memberikan pengaruh yang buruk terhadap generasi setahun jagung ini. Makalah ini menggunakan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996) yang mengklasifikasikan ketidaksantunan kepada lima strategi, iaitu ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif, penggunaan sindiran dan menahan kesantunan. Pengkaji akan mengenal pasti ujaran yang mengandungi ketidaksantunan bahasa dalam animasi bersiri kanak-kanak ini, serta memilih sebahagian daripada ujaran watak untuk dianalisis berdasarkan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996). Justeru, aspek ketidaksantunan yang terdapat dalam bidang perfileman dan animasi ini hendaklah dijauhi dan segenap pihak perlu cakna agar anggota masyarakat pada hari ini dapat mengenal pasti serta menjauhi aspek ketidaksantunan bahasa dalam pertuturan seharian.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Bahasa merupakan elemen yang amat penting dalam kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa berfungsi sebagai alat yang menghubungkan masyarakat dan membina gerak kerja dalam kehidupan seharian, sama ada secara lisan mahupun tulisan. Lantaran itu, kesantunan dan budi bahasa

yang dilentur sejak kecil akan membentuk peribadi individu yang baik serta dihormati masyarakat. Hal ini memperlihatkan heterogen polemik bahasa dalam kalangan masyarakat yang kian merunsingkan. Penggunaan kata-kata kesat dan tingkah laku yang tidak beradab telah memanifestasikan sifat kesantunan serta kesusilaan yang semakin terhakis pada generasi kini (Murugan Krishnan, 2018). Heterogen bangsa dan budaya dilihat akan memangkinkan pendapat dan pandangan sarwa yang berbeza kerana sudah tentu lain padang, lain belalang. Namun begitu, bahkan budi bahasa yang kian terkikis akan menjadi barah berbahaya dan pemecah kepada perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa di watan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, ketidaksantunan bahasa dan komunikasi yang berbaur provokasi dan fitnah akan mewujudkan atmosfera negatif lantas menyekat kemajuan dan gagasan Malaysia Madani pada hari ini.

Selain itu, isu ketidaksantunan bahasa bukan sahaja berlaku dalam kehidupan seharian, malah pengabaian budi bahasa ini juga berlaku dalam rancangan televisyen tempatan. Perkara ini semakin merunsingkan apabila ketidaksantunan bahasa turut berlaku dalam animasi bersiri tempatan, yang sudah tentu mempengaruhi sasaran khalayak utama, iaitu kanak-kanak. Menurut Rohayati Junaidi (2020), Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) telah memanifestasikan bahawa perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh implikasi yang luas daripada persekitarannya. Justeru, kewujudan ketidaksantunan bahasa dalam animasi tempatan merupakan isu yang perlu diambil berat lantaran media massa merupakan antara ejen sosial dan hiburan utama yang berpengaruh dalam kehidupan kanak-kanak.

Dalam makalah ini, pengkaji telah memfokuskan kajian terhadap strategi ketidaksantunan bahasa dalam animasi bersiri kanak-kanak “Upin & Ipin” musim ke-14. Masyarakat pada hari ini sewajarnya cakna terhadap polemik bahasa daripada segenap aspek, terutamanya laras bahasa yang digunakan oleh media yang sudah tentu mudah mempengaruhi jumlah khalayak yang besar dengan pantas. Tambahan pula, kanak-kanak mudah terikut akan cara percakapan orang di sekelilingnya dan akan mudah untuk menirunya. Justeru, penggunaan bahasa yang sopan perlulah diterapkan dalam filem animasi kanak-kanak yang terdapat dalam rancangan televisyen hari ini. Oleh hal yang demikian, perkara ini telah menarik perhatian pengkaji untuk menghasilkan penulisan ini.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menilai strategi ketidaksantunan bahasa dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14. Berikut merupakan objektif kajian.

1. Mengkategorikan strategi ketidaksantunan bahasa dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14 berdasarkan teori ketidaksantunan Culpeper (1996).
2. Menganalisis strategi ketidaksantunan bahasa dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14 berdasarkan teori ketidaksantunan Culpeper (1996).

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian berkaitan ketidaksantunan banyak dijalankan di dalam atau di luar negara. Kajian-kajian yang dihasilkan mempunyai fokus dan matlamat yang berbeza-beza seperti kajian daripada Aminuddin Saimon

*et al.*, (2022) yang memfokuskan kajian berkaitan ketidaksantunan dalam kalangan mahasiswa, Nur Aisyah Taufek dan Aminnudin Saimon (2022) yang memfokuskan kajian terhadap filem. Kedua-dua kajian ini memperlihatkan kesamaan dari sudut metodologinya, iaitu menggunakan teknik pemerhatian yang memanfaatkan analisis kandungan teks. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua artikel ini menunjukkan perbezaan dari segi peratusan dan analisis. Dari segi peratusan, artikel Aminnudin Saimon *et al.*, (2022) menunjukkan ketidaksantunan negatif merakamkan peratusan tertinggi, diikuti ketidaksantunan sarkasme, dan ketidaksantunan positif dan menahan kesantunan merupakan peratusan yang terendah. Kajian kedua pula mempunyai dapatan yang menunjukkan ketidaksantunan peratusan negatif dan positif mencatat jumlah yang tinggi, manakala sarkasme dan menahan kesantunan mencatat jumlah paling rendah. Daripada kedua-dua artikel ini, jelas menunjukkan bahawa ketidaksantunan negatif merupakan strategi yang sering digunakan dan menunjukkan bahawa pengguna bahasa sering menyatakan ketidaksantunan secara terbuka dan langsung.

Selain kajian kitaksantunan yang memfokuskan mahasiswa, dan filem, terdapat juga kajian yang memfokuskan komen di media sosial dan pantun. Kajian daripada Shalsabilla Kurnia Putri (2021) mendapati bahawa terdapat pelanggaran maksim kesopanan dalam FTV (sinetron) yang menghasilkan pelbagai strategi ketidaksantunan seperti strategi ketidaksantunan secara langsung, positif negatif dan sindiran. Kajian ini diperkukuhkan dengan dapatan daripada kajian Nurissammimayantie Ismail, Amirah Ahmad, Norizah Ardi dan Noriza Daud yang mengatakan penggunaan bahasa dalam komen warga maya banyak menggunakan bahasa berbentuk hinaan yang terbahagi kepada empat, iaitu vokatif negatif persendirian, penegasan negatif persendirian, rujukan negatif persendirian dan rujukan negatif orang ketiga. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh sarjana ini, jelas menunjukkan bahawa penggunaan strategi ketidaksantunan sama ada dalam drama atau komen di media sosial digunakan bagi menunjukkan ketidakpuasan hati penutur terhadap sesuatu konteks. Namun kajian yang dijalankan oleh Nur Najahah Ishak, Noriza Daud, Umaimah Kamarulzaman dan Nurul Afnieza Md. Zain mendapati bahawa strategi ketidaksantunan berbahasa yang digunakan dalam pantun bergenre kelakar lebih terarah kepada penggunaan bahasa tabu, penanda identiti yang tidak tepat atau bersesuaian, mengejek dan sindiran. Selain itu, dapatan juga menunjukkan penggunaan sindiran berunsur lucah menekankan konsep hubungan suami isteri. Berdasarkan kajian yang disorot, jelaslah menunjukkan bahawa strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam pelbagai konteks mempunyai tujuan dan matlamat yang hendak disampaikan. Namun, penggunaan bahasa yang tidak santun yang kerap akan menjejaskan kredibiliti penutur dan menyebabkan pelbagai konflik berlaku.

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kaedah pengumpulan data dilakukan menggunakan kaedah pemerhatian dan transkripsi dialog yang diujarkan oleh watak-watak dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14. Data yang diperoleh diaplikasikan dalam bentuk jadual dan sebahagian daripada ujaran dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks, iaitu penggiliran dialog oleh watak yang terdapat dalam animasi tersebut. Pemilihan animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin adalah bertujuan untuk mengatasi masalah ketidaksantunan bahasa yang berlaku terutamanya dalam industri animasi kanak-kanak negara. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa masih kurang kajian yang mengkaji ketidaksantunan bahasa dalam konteks animasi bersiri tempatan. Rentetan itu, makalah ini

diharapkan dapat mengatasi masalah ketandusan sumber. Namun begitu, terdapat beberapa batasan dalam kajian yang telah dilakukan. Kajian ini dibataskan dengan mengkaji satu animasi tempatan yang khusus, iaitu animasi Upin Ipin musim ke-14 sebanyak 15 episod. Selain itu, kajian ini hanya menumpukan kepada satu aspek bahasa, iaitu ketidaksantunan bahasa, sekalipun terdapat banyak lagi aspek bahasa yang dapat dikaji pada animasi tempatan ini. Oleh itu, pengkaji ingin melihat sendiri aspek ketidaksantunan bahasa yang wujud dalam animasi tempatan dan dikhuatiri memberikan pengaruh yang besar terhadap pembentukan tingkah laku kanak-kanak. Pemilihan animasi Upin Ipin ini adalah kerana latar belakang dan kebudayaan yang dipersembahkan memperlihatkan budaya Melayu. Justeru, setiap pemaparan animasi tersebut adalah cerminan realistik sebenar budaya Melayu. Akhir sekali, kajian ini juga hanya tertumpu untuk menjawab kedua-dua objektif, iaitu mengkategorikan strategi ketidaksantunan bahasa dan menganalisis penggunaan strategi ketidaksantunan bahasa dalam bersiri kanak-kanak “Upin & Ipin” musim ke-14. Dalam aspek ini, penutur dilihat tidak membalas kesantunan dan lebih selesa berdiam diri ketika berkomunikasi dengan lawan tutur.

Kajian ini menggunakan Teori Kesantunan Culpeper (1996) bagi menganalisis penggunaan strategi ketidaksantunan bahasa dalam animasi bersiri kanak-kanak “Upin & Ipin” musim ke-14. Menurut Culpeper (1996), ketidaksantunan terbahagi kepada lima strategi, iaitu ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif, penggunaan sindiran dan menahan kesantunan. Ketidaksantunan secara langsung atau *bald on-record impoliteness* merujuk kepada tindakan untuk mengancam atau mengganggu air muka pendengar secara sengaja, terus, jelas dan tidak mengandungi taksa (Nur Najahah Ishak *et al.*, 2021). Ketidaksantunan positif atau *positive impoliteness* merupakan tingkah laku yang bermatlamat untuk menjatuhkan air muka penutur dengan menganggap penutur tidak hadir atau tidak terlibat dalam aktiviti yang dilakukan. Ketidaksantunan negatif atau *negative impoliteness* merupakan perlakuan yang bertujuan untuk merosakkan imej atau air muka lawan tutur. Penggunaan strategi ini meliputi tindakan seperti memandang rendah atau memperlekehkan, mencemuh atau mengejek, menghina, menggunakan sapaan yang menonjolkan personaliti yang negatif (Nur Aisyah Mohamad Taufek dan Aminuddin Saimon, 2022). Penggunaan sindiran ialah penggunaan sarkastik, sindiran atau kesantunan olok-olok (*sarcasm or mock politeness*). Strategi ini juga berpura-pura menggunakan ujaran santun kepada pendengar. Menahan kesantunan pula merupakan penggunaan menyembunyikan kesantunan (*withhold politeness*) atau tidak melakukan kesantunan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan membentangkan hasil dapatan kajian melalui animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14, iaitu sebanyak 15 buah episod. Selain itu, bahagian ini turut menerangkan dapatan kajian terhadap objektif-objektif kajian, iaitu mengkategorikan strategi ketidaksantunan bahasa dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14 dengan mengaplikasikan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996), serta menganalisis penggunaan strategi ketidaksantunan bahasa dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14 dengan mengaplikasikan Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996).

### **Strategi Ketidaksantunan Bahasa dalam Animasi Bersiri Kanak-Kanak Upin Ipin Musim Ke-14**

Pada bahagian ini, pengkaji mengkategorikan serta menganalisis strategi ketidaksantunan bahasa oleh

Culpeper (1996) berdasarkan animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14. Strategi ketidaksantunan bahasa yang akan dianalisis pada bahagian ini, iaitu ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif, penggunaan sindiran, dan menahan kesantunan. Setiap strategi ketidaksantunan yang ditemui pada animasi bersiri tersebut akan diperincikan dalam Jadual 1 dan dipaparkan dalam bentuk jumlah kekerapan dan peratusan.

**Jadual 1** Strategi Ketidaksantunan dalam Animasi Bersiri Kanak-Kanak Upin & Ipin Musim Ke-14

Strategi Ketidaksantunan	Kekerapan	Peratusan (%)
Ketidaksantunan secara langsung	11	24
Ketidaksantunan Positif	4	9
Ketidaksantunan Negatif	19	41
Sindiran	10	22
Menahan Kesantunan	2	4
<b>Jumlah</b>	<b>46</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 1, pengkaji mendapati bahawa jumlah kekerapan strategi ketidaksantunan bahasa yang terdapat dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin & Ipin musim ke-14, iaitu sebanyak 46 kali ujaran. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa watak-watak dalam animasi bersiri ini cenderung terhadap perilaku ejekan dan memandang rendah apabila strategi ketidaksantunan yang tertinggi dicatatkan merupakan strategi ketidaksantunan negatif dengan jumlah 41% iaitu bersamaan 19 kali ujaran. Strategi ketidaksantunan secara langsung merupakan strategi kedua tertinggi dengan jumlah 24%, iaitu sebanyak 11 kali ujaran. Seterusnya, strategi penggunaan sindiran diperoleh sebanyak 22%, iaitu 10 kali ujaran. Ketidaksantunan positif pula sebanyak 9% bersamaan empat kali ujaran. Akhir sekali, kekerapan strategi ketidaksantunan yang terendah, iaitu sebanyak 4%, merupakan strategi menahan kesantunan yang berjumlah dua kali ujaran dalam filem tersebut.

### Ketidaksantunan Secara Langsung

Dalam makalah ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat enam kali ujaran watak yang mengandungi strategi ketidaksantunan secara langsung dalam animasi bersiri kanak-kanak “Upin & Ipin” musim ke-14. Strategi ketidaksantunan secara langsung merujuk kepada tindakan untuk mengancam atau mengganggu air muka pendengar secara sengaja, terus, jelas dan tidak mengandungi taksa (Nur Najahah Ishak *et al.*, 2021). Penutur dengan sengaja tidak mahu bekerjasama dengan lawan tutur ketika berkomunikasi. Setiap ujaran yang menepati ketidaksantunan secara langsung dapat memperlihatkan air muka lawan tutur tergugat. Berikut merupakan contoh ujaran dalam dialog yang mengandungi ketidaksantunan secara langsung dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14.

**Jadual 2** Ketidaksantunan Secara Langsung

Data	Ujaran	Episod	Dialog
D1	U1	E6	“Apa ni?”, sambil mentertawakan Upin dan Ipin
	U2		“Ini kau kata kapal? <b>Bertampal sana, bersambungsini. Buruknya!</b> ”
D2	U3		“Laju la ni!”
	U4		“Eleh, kapal tak gerak pun. <b>Habuk je lebih</b> ”
D3	U5	E7	“Kan betul aku kata, <b>luka sikit je pun, mestimenangis. Intan payung, intan payung</b> ”

Berdasarkan data yang diperoleh daripada Jadual 2 di atas, pengkaji mendapati bahawa terdapat enam ujaran yang jelas menggunakan strategi ketidaksantunan secara langsung dalam animasi bersiri animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14 ini. Pengkaji melihat bahawa kebanyakan watak yang mengujarkan ketidaksantunan secara langsung cenderung untuk menzahirkan aspek yang bertentangan dengan budi bahasa secara jelas dan menggugat air muka pendengar. Misalnya, animasi bersiri Upin Ipin episod keenam yang berjudul “Dayung Laju-Laju” khususnya pada D1 U1, iaitu dialog Jarjit, Mail, Fizi dan Ehsan, “Apa ni?” sambil mentertawakan Upin dan Ipin dan D1 U2, iaitu ketika Fizi berkata kepada Upin dan Ipin, “Ini kau kata kapal? Bertampal sana, bersambung sini. Buruknya!”. Dialog ini dianggap ketidaksantunan secara langsung kerana Jarjit, Mail, Fizi dan Ehsan secara langsung mengancam air muka Upin dan Ipin apabila kapal buatan itu disebut sebagai kapal yang buruk dan dicemuh di hadapan kawan-kawannya yang lain. Ujaran “bertampal sana, bersambung sini. Buruknya!” menandakan ancaman muka yang difokuskan kepada hasil tangan Upin dan Ipin sebagai hasil sekali gus tidak menunjukkan penghargaan kepada hasil kerja Upin dan Ipin tersebut. Hal ini menunjukkan berlakunya ketidaksantunan apabila penutur tidak menghormati perasaan dan air muka penerima. Ungkapan “buruknya” merupakan ujaran yang jelas dan penerimanya mudah memahaminya (Culpeper, 1996).

Selain itu, D3 U5 iaitu ujaran Fizi pada episod ketujuh terhadap Ehsan, iaitu, “kan betul aku kata, luka sikit je pun, mesti menangis. Intan payung, intan payung,” jelas menandakan ketidaksantunan secara langsung apabila Fizi memperlihatkan ancaman muka dan seolah-olah menyatakan Ehsan sebagai seorang yang lemah dengan ungkapan “luka sikit je pun mesti menangis” dan “intan payung”. Ujaran tersebut juga telah diungkapkan secara langsung tanpa berlakik ketika Ehsan terjatuh, sekalipun setelah mendapati telapak tangan Ehsan terluka. Tambahan pula, Ehsan turut menunjukkan riak muka yang berubah dan marah apabila mendengar ujaran Fizi yang memerlinya secara langsung dan jelas, serta tidak prihatin terhadap kesakitan yang dialaminya.

Menurut Sara Beden dan Nurul Jamilah Rosly (2022), ketidaksantunan juga dapat dilihat sebagai amalan berbahasa dan tingkah laku yang melanggar peraturan-peraturan sosial yang terdapat dalam sesebuah masyarakat, sekali gus menyerang muka dalam konteks tertentu dan menjatuhkan air muka seseorang. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati bahawa watak-watak dalam animasi bersiri kanak-kanak “Upin & Ipin” musim ke-14 ini menggunakan strategi ketidaksantunan secara langsung untuk mengancam air muka dan meremahkan pendengar tanpa berselindung. Strategi ini merupakan perkara yang perlu dielakkan agar tidak membawa pengaruh yang buruk terhadap tatasusila dan budi bahasa penonton terutamanya dalam kalangan kanak-kanak.

### **Ketidaksantunan Positif**

Sebanyak empat ujaran ketidaksantunan positif yang diperoleh dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14. Ketidaksantunan positif atau *positive impoliteness* merupakan tingkah laku yang bermatlamat untuk menjatuhkan air muka penutur dengan menganggap penutur tidak hadir atau tidak terlibat dalam perbualan atau aktiviti yang dilakukan.

Menurut Culpeper (1996) strategi ketidaksantunan positif dibahagikan kepada beberapa substrategi, iaitu tidak memerhatikan atau mengabaikan, penggunaan identiti yang tidak bersesuaian atau tidak tepat, tidak menunjukkan sifat simpati, menunjukkan sikap yang tidak bersungguh, menyapa seseorang dengan nama yang lain, menggunakan bahasa tabu dan berbaur lucah serta menggunakan bahasa taksa atau rahsia yang tidak dapat difahami oleh orang lain dalam komunikasi.

**Jadual 3** Ketidaksantunan Positif

Data	Ujaran	Episod	Dialog
D4	U6	E5	“Tak ada tiket, tak payah pergi. Apa nak bising-bising?”
	U7		“Tapi aku dah berangan-angan nak ke stadium”
	U8		“Tak habis-habis berangan”
D5	U9	E13	“Takpe, kau boleh guna aku punya.”
	U10		“Terima kasih intan payung!”
D6	U11	E15	“Kenapa akak basuh?”
	U12		“Sebab dah kotor lah! Kalau ikutkan hati, akak buang je!”
D7	U13		“Alah, ganti je lah dengan yang baru. Apa susah?”
	U14		“Kain tu mak aku yang buat, mana boleh ganti ganti!”

Jadual 3 merupakan data-data bagi ujaran yang mengandungi strategi ketidaksantunan positif. Dalam episod “Kawan baik Upin & Ipin, D4 U6 pada episod kelima daripada watak Upin “tak ada tiket, tak payah pergi. Apa nak bising-bising?”, merupakan ujaran berbentuk ketidaksantunan positif yang bercirikan tidak memberikan simpati kepada lawan tutur. Ujaran Upin yang tidak menunjukkan belas kasihan kepada kawan-kawannya yang mahu menonton perlawanan bola sepak bersama-sama di stadium. Tambahan pula, Upin berasa kesal dengan sikap kawan-kawannya yang sedih secara keterlaluan hanya kerana tidak dapat ke stadium.

Seterusnya, ujaran pada episod ke-13 memperlihatkan D5 U10 daripada Fizi, iaitu “Terima kasih intan payung!”. Ujaran tersebut dikategorikan dalam ketidaksantunan positif kerana Fizi memanggil Ehsan dengan nama panggilan lain dan bukan nama sebenar. Intan payung menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hasan (2015) ialah anak kesayangan. Penggunaan “intan payung” dilihat sebagai panggilan yang tidak mesra dan merupakan sindiran kepada sikap Ehsan yang manja dan merupakan anak kesayangan ayahnya. Ehsan digelar “intan payung” kerana Ehsan merupakan anak tunggal dan menjadi kesayangan ayahnya dan memperoleh segalanya sesuai permintaannya. Justeru, penggunaan tersebut dilihat kurang sesuai dan merupakan satu unsur ketidaksantunan kerana mempunyai unsur sindiran dan mengguris perasaan pendengar.

Selain itu, ketidaksantunan positif dalam animasi ini dapat dilihat apabila Kak Ros berkata, “Kalau ikutkan hati, akak buang je!” pada D6 U12. Ipin yang mencari kain merah pada awal pagi dilihat susah hati kerana kainnya hilang. Ujaran yang dilontarkan oleh watak Kak Ros yang ingin membuang kain merah milik Ipin yang sudah lama tidak dibasuh dan kotor. Ujaran tersebut ditambah lagi dengan mengatakan kain tersebut seperti “belacan” dan “berbau busuk”. Strategi ketidaksantunan jenis ketidaksantunan positif dapat dilihat dengan jelas apabila Kak Ros tidak memberikan simpati kepada Ipin. Dalam sedutan episod ke-15 D7 U13 pula, ketidaksantunan positif dengan jelas terpancar dalam ujaran, “alah, ganti je lah dengan yang baru. Apa susah?” yang juga dilontarkan oleh Fizi. Ujaran tersebut merupakan ujaran berbentuk ketidaksantunan positif yang bercirikan tidak memberikan sedikitpun rasa kasihan mahupun simpati kepada Ipin yang baru kehilangan kain merah peninggalan ibunya. Ujaran ini disifatkan sebagai ujaran tidak santun kerana Fizi tidak menghormati perasaan Ipin yang kehilangan barang pemberian daripada orang tersayang.

### **Ketidaksantunan Negatif**

Strategi ketidaksantunan negatif atau *negative impoliteness* merupakan perlakuan yang bertujuan untuk



merosakkan imej atau air muka penutur (Nur Aisyah Mohamad Taufek dan Aminuddin Saimon, 2022). Culpeper (1996) mengklasifikasikan strategi ketidaksantunan negatif kepada beberapa substrategi, iaitu menakut-nakutkan, memandang rendah, mencemuh atau mengejek, mengambil kesempatan terhadap pendengar serta menonjolkan personaliti yang negatif. Strategi ketidaksantunan negatif memperlihatkan penggunaan pelbagai bentuk ujaran dengan tujuan untuk menjatuhkan air muka atau mengaibkan lawan tutur (Omer Sekerci, 2023).

Berdasarkan korpus kajian ini, strategi ketidaksantunan negatif dikesan sebanyak 19 ujaran. Strategi ini juga mencatatkan kekerapan paling tinggi dalam animasi bersiri “Upin & Ipin” musim ke-14. Berikut merupakan data-data yang menunjukkan penggunaan strategi ketidaksantunan negatif dalam animasi berikut:

**Jadual 4** Ketidaksantunan Negatif

Data	Ujaran	Episod	Dialog
D8	U15	E1	“Eh, orang tak puasa tak boleh makan sama.”
D9	U16	E2	“ <b>Kitaorang</b> pelakon!”
	U17		“Hm, boleh ke korang buat ni?”
D10	U18	E6	“ <b>Aku tak kan naik kapal dengan Ehsan.</b> ”
	U19		“ <b>Ha, kenapa pula?</b> ”
	U20		“Yalah, awak kan berat. Nanti tenggelam.”
D11	U21	E9	“ <b>Wah! Kiranya Iz ni pun usahawan yang mengeluarkan produk tempatan lah ya?</b> ”
	U22		“ <b>Bukan setakat mengeluarkan, tapi mempromosikan dan memasyhurkan produk tempatan ke mata dunia.</b> ”
	U23		“ <b>Hei perasan! Ingat senang ke nak tembus pasaran dunia? Setakat keropok, barang manik, bakul rotan? Mana ada kelas!</b> ”

Berdasarkan Jadual 4, terdapat beberapa ujaran yang digunakan oleh watak-watak dalam animasi bersiri “Upin & Ipin” musim ke-14 jelas menunjukkan penggunaan strategi ketidaksantunan negatif. Strategi ketidaksantunan negatif dikesan apabila watak tersebut melontarkan ayat yang secara harfiahnya akan mengancam air muka pendengar atau lawan tutur.

Dalam D8 U15, “Eh, orang tak puasa tak boleh makan sama” menggambarkan strategi ketidaksantunan negatif apabila watak Kak Ros yang bertindak untuk menyinggung perasaan adiknya yang tidak berpuasa, Upin dengan menyatakan bahawa Upin tidak boleh menyertai keluarganya untuk menjamu makanan berbuka bersama-sama. Strategi ketidaksantunan negatif yang digunakan oleh Kak Ros dengan secara jelas menepati Teori Culpeper (1996) apabila riak wajah Upin yang sedang teruja untuk makan makanan kegemarannya, berubah serta-merta selepas mendengar ujaran yang dikeluarkan oleh kakaknya. Seterusnya, ujaran berbaur ketidaksantunan negatif dikesan dalam D9 U17 melalui ujaran Tok Dalang, iaitu “Hm, boleh ke korang buat ni?”. Ujaran ini mempunyai ciri-ciri ketidaksantunan negatif kerana ujaran tersebut menunjukkan bahawa Tok Dalang memandang rendah dan berasa ragu terhadap kemahiran yang dimiliki oleh Upin, Ipin serta rakan-rakan.

Berdasarkan paparan D10 U20, ujaran yang diujarkan oleh watak Fizi, iaitu “Yalah, awak kan berat. Nanti tenggelam” mempunyai ciri-ciri strategi ketidaksantunan negatif. Hal ini dikatakan demikian kerana, ujaran tersebut diinterpretasikan sebagai ketidaksantunan berbentuk penghinaan. Fizi yang bertindak menghina bentuk fizikal badan Ehsan yang gempal dan berat memperlihatkan perilaku yang tidak santun. Penyampaian Fizi, iaitu berat Ehsan yang akan menyebabkan kapal mereka tenggelam jelas menunjukkan bahawa ujaran tersebut boleh menjatuhkan aib Ehsan di hadapan rakan-rakan yang lain. Selain itu, strategi ketidaksantunan negatif juga ditunjukkan dalam D11 U23 melalui ujaran watak

tambahan “Setakat keropok, barang manik, bakul rotan? Mana ada kelas!” Ungkapan ini secara harfiahnya menunjukkan bahawa penutur bertindak untuk memperlekehkan dan menghina produk tempatan yang dijual oleh Izham dan para peniaga tempatan di Bazar Jualan Barangan Malaysia dengan mengatakan bahawa produk-produk tempatan tidak mempunyai potensi untuk dipasarkan ke pasaran dunia. Melalui ujaran tersebut, dapat dilihat bahawa penutur menggunakan kata-kata yang agak agresif, iaitu “mana ada kelas” boleh menjatuhkan air muka para penjual.

### Penggunaan Sindiran

Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi ketidaksantunan sindiran digunakan oleh watak-watak dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin dan Ipin. Strategi ini juga mempunyai kekerapan yang ketara dengan sebanyak 10 nilai ketidaksantunan sindiran telah direkod berdasarkan Culpeper (1996). Strategi ketidaksantunan sindiran ini digunakan untuk memahami penggunaan sindiran dalam komunikasi lisan. Menurut Culpeper (1996), sindiran ialah jenis tuturan yang tidak sopan yang secara langsung atau tidak langsung menghina atau merendahkan orang lain. Sindiran sering digunakan untuk menyampaikan kritikan atau menunjukkan sikap menentang dengan cara yang halus atau berselindung.

**Jadual 5** Penggunaan Sindiran

Data	Ujaran	Episod	Dialog
<b>D12</b>	<b>U24</b>	<b>E1</b>	“Awal balik, takde kawan ke?”
	<b>U25</b>		“ <b>Tapi opah..</b> Hari pertama biasanya dorang takkan pergi, sebab takde moreh. <b>Betul kan?</b> ”
	<b>U26</b>		“Main hujan lagi. Dah tentu esok tak boleh puasa! Ha sukaalah!”
<b>D13</b>	<b>U27</b>	<b>E4</b>	“Aik akak ada kerja sekolah? <b>Kesian, kesian,kesian</b> ”
<b>D14</b>	<b>U28</b>	<b>E5</b>	“Kitorang kan kawan baik kau, <b>takkan naktinggal kot</b> ”
<b>D15</b>	<b>U29</b>	<b>E6</b>	“ <b>Ingat juga kau dekat kawan-kawan</b> ”
	<b>U30</b>		“ <b>Kapal mainan</b> aku pun boleh buat, senang je”
	<b>U31</b>		“ <b>Amboi</b> , seronoknya buat sepah”
	<b>U32</b>		“ <b>Iyeke?</b> Biasanya kau akan nangis”
	<b>U33</b>		“ <b>Dia memang macam tu.</b> Kalau takda ayamgoreng, mati”

Jadual 5 mempamerkan ujaran yang menepati strategi ketidaksantunan, iaitu penggunaan sindiran. Berdasarkan D12 U24, penggunaan sindiran dapat dikenal pasti dalam ujaran yang dilontarkan oleh Kak Ros, iaitu “Awal balik, takde kawan ke?”. Ujaran tersebut merupakan usaha Kak Ros untuk menyampaikan pesanan secara halus, namun dengan tujuan yang jelas iaitu untuk mengekspresikan perlihan kepada sikap Upin dan Ipin yang jarang sekali pulang ke rumah awal kerana sering leka bermain bersama-sama rakannya. Selain itu, D12 U25 menunjukkan watak Kak Ros menzahirkan ketidakpuasan hatinya melalui sindiran dengan mengujarkan “Tapi opah, hari pertama biasanya diorang takkan pergi, sebab takde moreh. Betul kan?”. Hal ini secara implikasinya membawa makna bahawa Kak Ros sedang memerli adik-adiknya yang hanya ke surau untuk menunaikan solat tarawih sekiranya ada makanan yang disediakan. Ungkapan ini menggambarkan pandangan sinis terhadap adik-adiknya yang hanya tertarik atau hadir jika ada sesuatu yang menguntungkan mereka, seperti makanan percuma.

Strategi sindiran turut diaplikasikan oleh Kak Ros apabila dia sekali lagi berasa marah akan tindakan Upin dan Ipin. Ujaran 26, iaitu “Main hujan lagi. Dah tentu esok tak boleh puasa! Ha sukaalah!” jelas

menunjukkan sindiran yang pedas diberikan kepada Upin dan Ipin. Tujuan sindiran ini dilakukan adalah untuk mengkritik perbuatan adik-adiknya yang akan mengundang masalah kelak. Dalam pada itu, terdapat penggunaan sindiran yang dicatatkan pada D13 U27 “Aik akak ada kerja sekolah ? Kesian, kesian, kesian.” Sindiran “Kesian, kesian, kesian” digunakan untuk mengungkapkan rasa hiba atau simpati secara sarkastik. Ungkapan ini dalam konteks tersebut menandakan bahawa penutur meremehkan situasi atau keluhan seseorang yang dianggap tidak bererti atau berlebihan.

Terdapat juga cara yang berbeza untuk mengungkapkan sindiran dalam konteks persahabatan. Antaranya, ujaran “Kitorang kan kawan baik kau, takkan nak tinggal kot” seperti yang terkandung dalam D15 U28. Dalam konteks ini, ungkapan tersebut diungkapkan oleh Ipin dengan harapan bahawa Ehsan akan membawa rakan-rakan menonton perlawanan akhir antara Malaysia dengan Indonesia di stadium kelak. Ujaran tersebut diungkapkan kerana mereka merupakan teman baik, maka tidak mungkin bagi seseorang untuk meninggalkan atau mengabaikan hubungan tersebut. Selain itu, dalam D15 U29, iaitu “Ingat juga kau dekat kawan-kawan” yang diujarkan oleh Fizi merupakan sindiran yang mengandungi makna bahawa seseorang sewajarnya tidak melupakan tentang pentingnya kehadiran rakan-rakan yang baik dalam hidup mereka. Sindiran ini dapat digunakan ketika seseorang terlalu fokus pada diri sendiri serta mengabaikan teman-teman mereka. Nasihat di sebalik sindiran ini, iaitu menekankan bahawa penting untuk tetap menghargai dan membentuk hubungan yang baik sesama rakan-rakan, serta menyetepikan sikap negatif yang mementingkan diri sendiri.

Dalam D15 U30, Fizi mengungkapkan bahawa “Kapal mainan aku pun boleh buat, senang je.” Sindiran “aku pun boleh buat, senang je” menunjukkan tutur kata yang meremehkan usaha orang lain. Ungkapan tersebut mengimplikasikan bahawa Fizi meragukan kemampuan rakan-rakannya yang dianggap tidak begitu mengagumkan atau hebat, dan menyarankan bahawa dia juga mampu melakukannya dengan mudah atau lebih baik. Di samping itu, sindiran “Amboi, seronoknya buat sepah!” yang diungkapkan oleh Kak Ros kepada Upin dan Ipin dianggap sebagai sindiran sinis yang bertujuan untuk mengolok kebahagiaan atau kesenangan seseorang. Meskipun ungkapan ini kelihatan ringan dan mengundang tawa dalam beberapa situasi, penggunaan intonasi penutur akan melahirkan kegundahan atau ketidaksetujuan yang tersembunyi terhadap seseorang yang kelihatan sangat senang atau gembira (Shalsabilla Kurnia Putri, 2021). Dalam konteks tersebut, sindiran digunakan secara halus untuk mengkritik tindakan Upin dan Ipin yang dianggap berlebihan sehingga menyebabkan bilik berselerak. D15 U32 juga merupakan ujaran penggunaan sindiran Fizi kepada Ehsan melalui ayat “Iyeke? Biasanya kau akan nangis.” Ujaran tersebut mengungkapkan niat Fizi untuk menunjukkan bahawa Ehsan sebenarnya tidak memiliki kekuatan yang sejati.

Berdasarkan ujaran melalui D15 U33, sindiran Upin kepada Ipin “Dia memang macam tu. Kalau tak ada ayam goreng, mati” dalam konteks ini mengimplikasikan seseorang sangat bergantung pada suatu hal atau situasi yang mungkin terlihat tidak penting. Ungkapan tersebut menggambarkan keadaan tentang individu tersebut yang berasa hidangan ayam goreng merupakan perkara yang amat penting dalam hidupnya. Walau bagaimanapun, sindiran tersebut mengimplikasikan kebergantungan yang berlebihan atau kecanduan terhadap sesuatu yang dianggap remeh, sekalipun perkara tersebut merupakan hal yang sangat penting bagi orang tersebut.

## **Menahan Kesantunan**

Menahan kesantunan merupakan penggunaan menyembunyikan kesantunan (*withhold politeness*) atau tidak melakukan kesantunan. Penutur tidak membalas kesantunan dan lebih selesa berdiam diri ketika berkomunikasi dengan lawan tutur (Nur Aisyah Mohamad Taufek dan Aminuddin Saimon 2022). Sebagai

contoh, penutur tidak mempamerkan kesantunan yang sepatutnya dibalas apabila berada dalam konteks yang memerlukan penutur untuk menggunakan strategi kesantunan.

Berdasarkan animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14 yang dikaji, terdapat dua ujaran dalam dialog watak yang mengaplikasikan strategi menahan kesantunan. Secara tidak langsung, strategi ini merupakan strategi yang paling minimum kekerapannya berbanding strategi ketidaksantunan yang lain. Berikut merupakan data-data yang menunjukkan penggunaan strategi menahan kesantunan dalam animasi tersebut.

**Jadual 6** Menahan Kesantunan

Data	Ujaran	Episod	Dialog
<b>D16</b>	<b>U34</b>	<b>E6</b>	<b>“Bawa kitaorang naik kapal!”</b>
	<b>U35</b>		<b>“Ehsan cerita dia naik kapal, seronok!”</b>
	<b>U36</b>		<b>“Hm...” (tidak mengendahkan Upindan Upin)</b>
<b>D17</b>	<b>U37</b>	<b>E9</b>	<b>“Jadi kitorang budak baik!”</b>
	<b>U38</b>		<b>“Ha...”</b>

Jadual 6 merupakan dialog watak animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin musim ke-14 yang menggunakan strategi menahan kesantunan. Ujaran yang menggunakan strategi ini tergambar dalam D16 U34 apabila watak Kak Ros yang hanya mendiadakan diri ketika Upin dan Ipin berbual mengenai keseronokan mereka bermain kapal. Upin dan Ipin yang begitu bersemangat bercerita tentang kapal yang baru sahaja diceritakan oleh sahabatnya, Ehsan lalu dibawakan kepada Kak Ros. Walau bagaimanapun, ujaran mereka berdua tidak dibalas apabila Kak Ros tidak mengendahkan adik-adiknya itu.

Seterusnya, ujaran terakhir dalam episod “Barang Baik, Barang Kita” menggambarkan strategi menahan kesantunan melalui lontaran D17 U37 Upin yang menyatakan “Jadi kitorang budak baik!”. Upin menjelaskan bahawa setiap barang yang dihasilkan di Malaysia dan buatan tempatan semestinya merupakan produk yang berkualiti dan baik, iaitu bersamaan dengan perilaku mereka berdua sebagai budak yang baik. Namun, ujaran tersebut dibalas oleh Kak Ros dan Opah yang hanya membalas dengan D17 U38, iaitu “Ha” tanpa menunjukkan reaksi bersetuju atau menafikan ujaran tersebut. Ujaran tersebut dilihat sebagai strategi ketidaksantunan jenis menahan kesantunan kerana reaksi yang tidak membalas ujaran yang diharapkan juga dianggap sebagai salah satu bentuk ketidaksantunan bahasa.

## KESIMPULAN

Secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa setiap ujaran yang dipilih menepati strategi ketidaksantunan mengikut Teori Ketidaksantunan yang dibawa oleh Culpeper (1996). Sebanyak 46 ujaran dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin Ipin yang dikenal pasti sebagai ujaran yang menepati strategi ketidaksantunan. Penggunaan strategi ketidaksantunan Culpeper (1996) dalam data kajian memanifestasi objektif komunikasi watak dalam melahirkan perasaan tidak puas hati, marah mahupun cemuhan, sehingga menggunakan bentuk komunikasi yang berupaya mengancam air muka dan mencalarakan imej pendengar. Namun begitu, penggunaan strategi ketidaksantunan yang diekspresikan menerusi ujaran bahasa tidak santun dalam animasi bersiri kanak-kanak ini hendaklah diatasi agar tidak membawa pengaruh negatif dalam membentuk peribadi luhur dalam kalangan generasi muda. Rentetan itu,

pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya para pengamal media, akan berupaya memperkasakan penggunaan bahasa yang lebih baik dalam bidang perfileman tempatan, khususnya dalam animasi bersiri kanak-kanak di negara ini.

## PENGHARGAAN

Kertas kajian ini merupakan kerjasama antara pensyarah dengan pelajar-pelajar di bawah subjek BMCO 2999 (Kaedah Penyelidikan). Setinggi-tinggi penghargaan kepada pelajar-pelajar yang bertungkus-lumus membantu menyiapkan kertas kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh yang sering memberi kelengkapan yang mencukupi untuk menjalankan kajian ini.

## RUJUKAN

- Aminnudin Saimon, Nurdiyana Noordin, Nur Amira Mohd Hisham, Nur Ashikin Syahirah Zamri dan Nur Amirah Nabilah Nor Azmi. (2022). Ketidaksantunan berbahasa melalui aplikasi twitter dalam kalangan mahasiswa. *Kolokium Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 2022*.
- Culpeper, J. (1996). Towards an Anatomy of Impoliteness. *Journal of Pragmatics*, 25, 349–367.
- (2011). *Impoliteness: Using language to cause offence*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mariliana Ariesta Vani dan Atiqa Sabardila. (2020). Ketidaksantunan berbahasa generasi milenial dalam media sosial twitter. *Pena Literasi*, 3(2), 90-101.
- Mohd. Adam Fazery Jeffry, Nor Shahila Mansor, Siti Zobaidah Omar. (2023). Strategi ketidaksantunan bahasa dalam kalangan komuniti facebook di malaysia. *Prasasti: Journal of Linguistics*, 8(2), 207-226.
- Mohd. Khaidir Abdul Wahab, Mohd. NorTaufiq NorHashim dan Wan Azni Wan Mohamad. (2021). Aspek kesantunan dan ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan pelajar bahasa melayu: satu kajian perbandingan dua buah negara. *e-JBL. e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 3(2).
- Nur Aisyah Mohamad Taufek dan Aminnudin Saimon. (2022). Strategi ketidaksantunan dalam filem Seri Mersing. *International Young Scholars Journal of Languages*, 5(1), 26-48.
- Nur Najahah Ishak, Noriza Daud, Umaimah Kamarulzaman dan Nurul Afnieza Md. Zain. (2020). Ketidaksantunan berbahasa dalam pantun kelakar ‘Khazanah Pantun Melayu Riau.’ *Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara*.
- Nurrissammumyantie Ismail, Amirah Ahmad, Norizah Ardi dan Noriza Daud. (2021). Ketidaksantunan bahasa dalam komen isu peletakan jawatan YDPA. *Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara*.
- Omar Sekerci. (2023). Culpeper’s impoliteness strategies in Neil Simon’s Biloxi Blues. *Baltic Journal of English Language, Literature and Culture*, 125-141.
- Junaidi, R. B. (2020). Persekitaran yang membentuk modal insan dalam novel kanak-kanak: Environment that form human capital in children’s novels. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 31(1).
- Sara Beden dan Nurul Jamilah Rosly. (2022). Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996) sebagai tanda keprihatinan netizen semasa penularan wabak Covid-19. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(1), 35-54.

Shalsabilla Kurnia Putri. (2021). Strategi ketidaksantunan berbahasa dalam film televisi (FTV) Indonesia. *Nuansa Indonesia*, 23(1), 25-40.